

MUZIUM DAN MASYARAKAT

Paiman Keromo
Timbalan Ketua Pengarah
Jabatan Muzium dan Antikuiti

Abstrak

Bagi sesetengah golongan masyarakat, apabila membicarakan mengenai Muzium akan terbayanglah di fikiran mereka sebuah bangunan lama atau istana lama yang ditinggalkan di mana tersergam dengan senibinanya yang menggerun lagi meyeramkan kerana di dalamnya terdapat bahan-bahan purba lama (artifak) yang dipamerkan untuk ditontonkan kepada para pelawat yang melawatnya yang tidak diketahui asal usulnya. Kenyataan ini adalah berdasarkan kepada hampir kebanyakan bangunan muzium-muzium di negara ini mahu pun di seluruh dunia. Bangunan dan istana lama ini selalunya mempunyai nilai-nilai sejarahnya yang tersendiri yang kemudiannya diubahsuai dijadikan Muzium bagi tujuan untuk memelihara bangunan dan sejarahnya. Di samping itu ada juga segelintir masyarakat menganggap bangunan Muzium adalah sebuah bangunan 'berhantu' kerana berdasarkan kepada barangan yang ada di dalamnya merupakan barangan lama.

Kini masyarakat telah mula sedar dan faham apa itu Muzium, peranan dan objektif penubuhannya yang selama ini di anggap mereka sebagai tempat menyimpan barang-barang lama yang tidak mempunyai nilai dan berfaedah langsung. Dengan kesedaran yang mendalam masyarakat hari ini terhadap pemuliharaan ke atas setiap warisan sejarah dan budaya bangsa merupakan faktor utama membawa kepada penubuhan Muzium-Muzium di seluruh dunia.

TAKRIF MUZIUM

Perkataan '*Muzium*' dipetik daripada perkataan Inggeris yang berasal daripada perkataan Yunani '*Mouseion*' bermaksud rumah suci '*MUSE*' iaitu tuhan atau kumpulan sembilan dewi lambang ilmu dan kesenian. Perkataan ini juga membawa maksud '*gembira*' (*amusement*). Pada zaman klasik Yunani muzium turut dikenali sebagai:

'A place sacred to the 'muse' specifically, the great institution for literature and scientific studies built and equipped by Ptolomy I at Alexandria, which was virtually a university of Hellenistic world'

Muzium yang pertama dipercayai telah ditubuhkan di Iskandariah, Mesir pada abad ke-3 sebelum Masehi. Sejak itu institusi ini mula mendapat perhatian ramai terutamanya daripada cendekiawan dan para ilmuan. Mereka berlumba-lumba memberikan takrif muzium yang tepat. Geo Brown Goode (1895) mentakrifkan muzium sebagai;

'An institution for the preservation of those objects which best illustrated the phenomena of nature and the work of man, and utilization of these to increase knowledge and for the culture and the enlightenment of the people'

Dalam pada itu terdapat beberapa takrif yang masih kabur diutarakan. Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM), Kesatuan Muzium Kanada (CMN) dan Kesatuan Muzium Amerika (AAM) mentakrifkan muzium berdasarkan kepada peranan dan pengurusannya serta bidang-bidang yang berkaitan dengan institusi tersebut. ICOM pada 1974 menggariskan takrif muzium sebagai;

'Institusi bersifat tetap, tidak mencari keuntungan, memberi khidmat kepada masyarakat dan perkembangannya, terbuka kepada umum, memperolehi, merawat, menghubungkan dan mempamerkan untuk tujuan pembelajaran, pendidikan dan hiburan, bukti-bukti tinggalan manusia dan persekitarannya.'

Muzium ditakrifkan juga sebagai institusi yang terlibat dalam aktiviti berikut :-

- i. Pemuliharaan, pameran dan Pusat Arkib
- ii. Pemuliharaan dan pengekalan Alam Semulajadi
- iii. Arkeologi, Ethnologi, Monumen dan Tapak Tanah Bersejarah
- iv. Pameran flora dan fauna seperti botani, zoologi, geologi dan sebagainya.
- v. Pusat Sains dan Planetarium

Berdasarkan kepada takrif tersebut, tidak dapat dinafikan bahawa muzium memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan, kebudayaan dan pembangunan ekonomi bagi sesebuah negara dan masyarakat. Sehubungan itu, pada 1989 Kesatuan Muzium Great Britain (MAGB) mentakrifkan muzium dalam bentuk yang lebih mudah untuk difahami iaitu:

'An institution which collects, documents, preserves, exhibits and interprets material evidence and associated information for public benefit'.

Di Malaysia, muzium pada peringkat awalnya dikenali sebagai 'Sekolah Gambar' kerana ia memperagakan koleksi artifak arkeologi dan gambar-gambar bersejarah. Bagaimanapun dengan pertambahan tenaga professional serta peningkatan pengetahuan dalam bidang permuziuman telah berjaya membentuk imej yang lebih dinamik dan mengubah pandangan masyarakat terhadap muzium.

Walaupun terdapat berbagai persepsi dan takrif terhadap muzium, namun adalah lebih tepat dirujuk kepada aktiviti yang dilaksanakan. Kejayaan sesebuah muzium bergantung kepada beberapa factor asas termasuklah keupayaan dan sikap tanggungjawab kakitangannya

PERANAN MUZIUM DALAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN NEGARA

Muzium memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat dan negara melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti berikut:-

1. Muzium sebagai gedung khazanah sejarah dan budaya negara.

Muzium bertanggungjawab menyelamatkan dan memulihara warisan sejarah dan budaya negara. Segala aktiviti yang dilaksanakan akan diterbitkan dan disebarkan kepada umum. Sehubungan dengan itu, muzium dapat dilihat sebagai sumber maklumat warisan negara.

2. Muzium sebagai penyebar maklumat dan mendidik masyarakat.

Penyebaran maklumat dan mendidik masyarakat merupakan salah satu fungsi utama muzium. Aktiviti pameran merupakan salah satu cara paling berkesan untuk menarik orang ramai supaya berkunjung ke muzium.

Begitu juga, hasil penyelidikan dan kajian ilmiah diterbitkan dalam bentuk buku, monograf, jurnal dan sebagainya diedarkan kepada masyarakat. Diharapkan ia dapat melahirkan masyarakat yang berilmu pengetahuan dan peka terhadap sejarah dan budaya sendiri.

Dalam usaha penyebaran maklumat dan pendidikan, muzium berpegang kepada konsep, *"Jika mereka tidak dapat datang ke muzium, oleh itu muzium perlu pergi kepada mereka."*

Justeru itu, muzium turut mengadakan pameran bergerak ke kawasan-kawasan pedalaman, sekolah-sekolah terpencil di samping memberi ceramah, seminar dan lain-lain lagi.

3. Memupuk semangat kesedaran masyarakat terhadap sejarah dan budaya sendiri.

Aktiviti-aktiviti muzium berkait rapat dengan matlamat negara iaitu memberi kesedaran dan kecintaan terhadap warisan budaya dan sejarah. Usaha-usaha pemuliharaan dan penyelidikan yang dijalankan dapat membuka mata masyarakat terhadap kepentingan warisan kita.

4. Muzium sebagai institusi pendidikan dan pembelajaran.

Sebagai institusi pendidikan dan pembelajaran muzium menjalankan beberapa program:-

4.1. Lawatan Berpandu.

Pengunjung dan pelajar-pelajar terutama sekali dari sekolah rendah akan dipandu oleh pegawai dan kakitangan yang berpengalaman untuk memberi maklumat dan penerangan supaya mereka lebih memahami bahan-bahan yang diperagakan.

4.2. Ceramah

Ceramah turut diberikan kepada guru-guru dan masyarakat untuk menggunakan artifak muzium sebagai alat bantu mengajar. Mereka juga digalakkan supaya menggunakan koleksi dan perpustakaan muzium sebagai sumber rujukan.

4.3. Bengkel

Muzium juga mengadakan bengkel untuk melatih pelajar sekolah dan mereka yang berminat tentang penyediaan pameran, pemuliharaan, pengawetan dan lain-lain lagi.

4.4. Penerbitan

Sebagai agen penyebar maklumat, muzium menerbit dan mengedarkan bahan-bahan cetak seperti berita, risalah, bulletin, hasil kajian dan terbitan khas.

4.5. Menyemai Semangat Kekitaan dan Negarawan

Peranan muzium sebagai 'universiti terbuka' yang menumpukan kepada pameran diharap dapat melahirkan insan yang peka terhadap warisan yang dimiliki seterusnya menjadi warga yang berketrampilan dan berjaya menanamkan semangat kekitaan dan sayangkan negara.

5. Muzium dan Industri Pelancongan

Muzium menjadi pemangkin ke arah perkembangan industri pelancongan negara. Ia merupakan 'front line' kepada para pelancong untuk mendapat maklumat tentang sejarah dan budaya sesebuah negara yang dilawati.

MUZIUM DAN MASYARAKAT

Pengurusan dan pentadbiran muzium di negara ini dapat diklasifikasikan kepada beberapa peringkat seperti berikut:

- i. Muzium-muzium di bawah pentadbiran Jabatan Muzium dan Antikuiti (JMA),
- ii. Muzium-muzium di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri dan
- iii. Muzium-muzium khas yang ditadbir oleh agensi Kerajaan atau swasta dan institusi Pengajian Tinggi.

Memandangkan kepada kepesatan pembangunan yang tidak terkawal sekarang memungkinkan kepupusan dan kerosakkan terhadap warisan sejarah dan budaya negara. Untuk itu kerajaan melalui Jabatan Muzium Dan Antikuiti telah memperkenalkan satu akta yang dikenali sebagai Akta Benda Purba Bil. 168, 1976 untuk mengawal, memulihara, memelihara (baik pulih) dan menjalankan penyelidikan terhadap warisan dan budaya negara serta mengawal pengedaran khazanah negara. Akta ini juga memberi pengetahuan kepada masyarakat agar lebih bertanggungjawab terhadap semua bentuk warisan sejarah yang dimiliki supaya tidak membiarkan atau merosakkannya.

Slogan "Peliharalah / Hargailah Warisan Sejarah Negara" dan "Pelihara Warisan Sejarah Kita" merupakan satu slogan yang digunakan amat sesuai dan bertepatan dengan peranan dan objektif penubuhan muzium.

Bagi ahli cendekiawan dan akademik, muzium merupakan sebuah gedung ilmu pengetahuan dan juga sebagai institusi pendidikan tidak formal yang mempunyai banyak sumber pembelajaran.

Sama ada kita sedari atau tidak institusi muzium juga mempunyai tugas dan tanggungjawab yang amat besar dalam mempengaruhi pemikiran dan jati diri masyarakat negara ini berdasarkan kepada hampir kebanyakan pameran yang diadakan kebanyakannya menyingkap kepada sejarah lepas yang mampu membangkitkan kesedaran dan nostalgia kepada generasi hari ini. Di samping itu institusi muzium juga merupakan medan pertempuran pakar-pakar sejarah dan akademik bertukar-tukar fikiran serta mencari idea baru bagi menjadikan muzium sebagai institusi yang berkualiti serta diiktiraf.

Program 'Forum Kurator' merupakan langkah terbaik untuk memberikan pengetahuan dan bertukar-tukar maklumat di antara pegawai-pegawai muzium, orang perseorangan dan ahli-ahli professional. Semoga program seperti ini diteruskan dan dijadikan contoh kepada muzium-muzium lain di negara ini. Di samping itu usaha pihak Jabatan Muzium Dan Antikuiti mendokumentasikan setiap hasil penyelidikan mengenai warisan sejarah dan budaya negara dalam bentuk audio visual merupakan satu langkah baik bagi mendekatkan masyarakat dengan muzium.

Kini muzium telah mendapat pengiktirafan dunia dalam pembangunan sesebuah negara dengan mengisytiharkan setiap 18 Mei setiap tahun sebagai "Hari Muzium Sedunia / Antarabangsa".

Sejak akhir-akhir ini institusi permuziuman telah menjadi salah satu pilihan pelajar-pelajar terutamanya pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi menjalankan latihan amali mereka.

Kini, muzium telah banyak memberikan pendedahan kepada masyarakat terhadap sejarah silam, pencapaian masa kini dan juga pengukuhan hala tuju untuk ke depan serta juga dorongan rakyat supaya lebih berilmu dan prihatin terhadap sejarah negara.

Kewujudan pelbagai jenis pusat rekreasi dan taman tema telah memberikan cabaran hebat terhadap institusi permuziuman. Perkembangan ini sewajarnya diberikan perhatian serius oleh pendokong-pendokong institusi permuziuman supaya dapat memenuhi tuntutan semasa

Sebagai sebuah institusi maklumat, setiap muzium di negara ini disarankan mewujudkan satu bahagian atau unit penerangan dan perhubungan awam yang bertanggungjawab mengendalikan penerangan kepada masyarakat mengenai peranan dan objektif muzium.

Sebagai kesimpulannya institusi permuziuman bukanlah semata-mata sebagai tempat menyimpan barangan lama tetapi merupakan satu institusi pendidikan untuk dimanfaatkan oleh semua golongan masyarakat.